



**MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT
SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG**

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
GRED JAWATAN/GAJI	:	L29
GAJI MINIMUM-MAKSIMUN	:	RM1,549.00 – RM5,701.00
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred L29:RM1,773.00); atau
 - (d) diploma undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29:RM1,847.86).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred L29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

LATIHAN

4. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

5. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

TARAF JAWATAN : KONTRAK

TARIKH IKLAN/TUTUP PERMOHONAN : 01.11.2023 (RABU) – 20.11.2023 (ISNIN)

CARA MEMOHON :

- a) Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi borang yang boleh dimuat turun dari laman Web Majlis Perbandaran Segamat di <http://www.mpsegamat.gov.my>. Bersama-sama salinan dokumen-dokumen seperti berikut:-
- i. Kad pengenalan diri;
 - ii. Sijil kelahiran ;
 - iii. Sijil-sijil persekolahan;
 - iv. Sijil Kelulusan Akademik (sijil/Diploma/Ijazah)* mana yang berkaitan dengan jawatan yang dipohon;
 - v. Transkrip keputusan akhir peperiksaan (jika diploma/ijazah sebenar masih belum diterima);
 - vi. Satu (1) keping gambar terkini berukuran "passport";
 - vii. Dokumen-dokumen sokongan yang lain (jika ada).
 - viii. **Permohonan borang hendaklah disertakan dengan video resume yang berdurasi tidak lebih dari 3 minit dalam bentuk sofcopy**
- b) Permohonan-permohonan hendaklah dihantar kepada:-

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT,
85000 SEGAMAT.**

- c) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Penguasa Tempatan/badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab A Bil.18.
- d) Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat-syarat seperti iklan akan **DITOLAK SERTA MERTA.**
- e) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- f) Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup adalah dianggap **TIDAK BERJAYA.**

PERINGATAN : SEMUA SALINAN DOKUMEN DI ATAS HENDAKLAH DISAHKAN OLEH PEGAWAI KERAJAAN (KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL) ATAU PENGHULU MUKIM/KETUA KAMPUNG.


(YM UNGKU MOHD TAHIR BIN UNGKU MOHD ZAKARIA)
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Segamat